

01/12/1999

40 negara peserta penuh astaka

Ebi Azly Abdullah; Abdul Halim Yusoff

LANGKAWI, Selasa - Jangkaan awal pilihan raya ke-10 yang berakhir semalam akan menenggelamkan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima '99) yang bermula hari ini, terbukti meleset.

Sebagaimana setiap rakyat Malaysia yang bersemangat dengan kemenangan dua pertiga Barisan Nasional, Lima '99 juga turut menunjukkan mood yang sama dengan semua pempamer terdiri daripada syarikat aeroangkasa antarabangsa memberikan pujian kepada saiz pameran kali ini.

Sejak pagi lagi sebaik saja semua khalayak mengetahui keputusan penuh pilihan raya, pempamer di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) melakukan dengan cara tersendiri menunjukkan sokongan dan keyakinan mereka terhadap industri aeroangkasa di rantau ini.

Sementara menunggu perasmian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok, pempamer daripada 40 negara siap sedia memenuhi astaka yang diperuntukkan, manakala pasukan pertunjukan akrobatik udara menunjukkan kehebatan mereka.

Seperti Lima terdahulu, pasukan aerobatik Red Arrows dari Britain memulakan acara dengan formasi akrobatik warna-warni menggunakan pesawat Hawk mereka, diikuti demonstrasi helikopter Mi-8 dari Russia, Tentera Udara Amerika Syarikat dan persembahan 'pergerakan cobra' oleh pesawat Sukhoi, SU30KI.

"Berbeza dengan Lima 97 yang diadakan pada kemuncak krisis ekonomi Asia, Lima '99 jauh lebih besar dan tersusun. Ternyata keyakinan kami kepada pasaran Malaysia dan rantau ini berbaloi," kata Sean Lee, Pengarah Komunikasi Serantau Airbus Industries.

"Sebaik saja masuk ke dewan pameran, seseorang yang datang pada Lima '99 akan tahu bahawa Lima '99 menjanjikan sesuatu yang lebih serius.

"Kami yakin pameran kali ini akan membuka ruang kepada pertumbuhan yang lebih baik industri aeroangkasa di rantau ini sesudah dilanda kitaran menurun sejak dua tahun lalu," katanya.

Airbus Industries tampil ke Lima '99 memperkenalkan produk terbarunya, A340-500 iaitu pesawat terbang jarak jauh paling efisien dalam kelasnya.

Sementara itu, Naib Presiden Asia Pasifik (Penjualan) Bombardier Aerospace, George Laforme, berkata Lima '99 adalah medan syarikat itu menyatakan komitmen dan keyakinannya kepada pasaran pesawat terbang di Malaysia dan rantau ini.

"Malaysia dan Asia yang sudah keluar dari kemelut ekonomi, cepat bingkas bangun menyertai kepesatan pembangunan industri aeroangkasa dunia berdasarkan minat yang ditunjukkan syarikat tempatan kepada produk keluaran kami.

"Lima '99 yang disokong kerajaan yang teguh, membuktikan bahawa komitmen kami kepada pasaran Malaysia adalah tepat," katanya.

Sebanyak 667 syarikat menyertai segmen aeroangkasa Lima '99. Peserta pertunjukan turut membawa 112 pesawat untuk acara statik dan demonstrasi penerbangan.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd, Datuk Mohd Radzi Manan, berkata maklum balas positif yang diterima daripada pempamer adalah hasil usaha syarikat itu menaikkan taraf perkhidmatan setaraf pertunjukan dunia lain.

"Selepas Lima '97, kami mengkaji apa yang perlu dilakukan untuk menjadikan Lima setaraf dengan Pertunjukan Udara Paris dan Farnborough di Britain, dan inilah hasilnya," katanya ketika ditemui di sini.

Radzi yang memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Tualang Sekah di Perak, pada pilihan raya semalam, berkata tanda awal menunjukkan beberapa perjanjian persefahaman dijangka ditandatangani pada pertunjukan kali ini.

Pasukan elit Paskal dari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) turut mengadakan demonstrasi ketenteraan di hadapan dewan pameran, termasuk terjun dari helikopter dan menyelam untuk menyerang musuh.

Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi adalah pameran dwitahunan yang bermula secara sederhana pada 1991 dengan penyertaan yang terhad, kini menjadi antara pameran aeroangkasa menampilkan pesawat terbang komersil dan pertahanan serta kapal pesiaran dan pertahanan terkemuka dunia.

Edisi kelimanya bermula hari ini dan berakhir Ahad ini. Pameran akan dibuka kepada orang ramai mulai Sabtu.

(END)